

16 MAY 2003

Mahathir-Motif/I

AMERIKA SYARIKAT LEBIH BERBAHAYA BERBANDING MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 16 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan keperluan Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) menasihati rakyatnya daripada mengunjungi Malaysia, khususnya Sabah.

Perdana Menteri berkata sebenarnya di Amerika Syarikat adalah lebih berbahaya berbanding Malaysia.

"Mereka berpendapat akan selamat di negara sendiri (tetapi) saya ingin mengingatkan mereka bahawa serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia berlaku di Amerika, bukan di sini. Jadi Amerika adalah lebih berbahaya daripada Malaysia," katanya pada persidangan berita di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas pulang ke ibu negara di akhir lawatan dua harinya ke negeri ini.

Beliau berkata selepas menzalimi ramai orang, AS kini takut orang akan bertindak balas.

"Jadi mereka takut untuk ke mana-mana dan walaupun Sabah dan Malaysia benar-benar selamat, mereka takut datang ke sini," katanya.

Menjawab pertanyaan sama ada pengeluaran nasihat seperti itu mempunyai motif di belakangnya, Dr Mahathir berkata: "Mungkin ada."

"Mungkin mereka menuduh kita tidak memastikan keselamatan orang asing di negara ini dan mungkin disebabkan itu mereka mempunyai alasan untuk melakukan sesuatu mengenai Malaysia...mungkin untuk mengubah pemerintahan."

"Saya percaya kita belum sampai ke peringkat itu, tetapi sebelum ini, dengan Iraq, keadaan adalah serupa, tuduhan palsu dibuat kononnya Iraq memiliki senjata pemusnah besar-besaran.

"Atas alasan itulah Iraq dicerobohi dan kini mereka tidak pun menjumpai senjata pemusnah besar-besaran," katanya.

-- BERNAMA

JS JK MOZ